

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(X)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

18. Apakah status Ladang Valdor dari segi pemilikan tanah, pampasan dan penempatan semula serta penglibatan Kerajaan Negeri dalam isu ini?

**YB. PROF. DR. P. RAMASAMY A/L PALANISAMY  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

18. Terdapat satu urusan pengambilan tanah yang dibuat di sebahagian Lot 3424, Ladang Valdor, Mukim 15, Daerah Seberang Perai Selatan (SPS), Pulau Pinang bagi kegunaan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Valdor seluas 2 ekar. Pampasan berjumlah RM1.8 juta telah dibayar kepada pemilik tanah, RM3,000.00 kepada 3 orang pengusaha kandang kambing dan 8 orang lagi pemilik bangunan serta stor di atas tanah terbabit. Semakan Pejabat Tanah dan Daerah Seberang Perai Selatan mendapati Lot 21183 (Lot lama 3424 ), Ladang Valdor, Mukim 15, SPS telah diberimilik kepada Lembaga Pengelola Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Valdor dan bangunan sekolah baru tersebut telah siap dibina. Sehingga kini, tiada isu atau masalah yang melibatkan Kerajaan Negeri dalam aspek penempatan semula di Ladang Valdor.

-